



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI,  
DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS APRESIASI  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**18 FEBRUARI 2022, SELASA  
RUANG DATO' DAGANG PAROI DAN DATO' MUDA LABU,  
WISMA MBS**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera, Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis

Yang Berusaha,

Tuan Mas Midyawan bin Yahya,

Setiausaha, Majlis Bandaraya Seremban

Barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit,

Majlis Bandaraya Seremban

Yang diraikan,

Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Bandaraya Seremban

Pegawai dan kakitangan,

Majlis Bandaraya Seremban

Seterusnya

Para hadirin sekalian

1. Syukur Alhamdulillah, dengan izin dari-Nya dapat juga Majlis Perjumpaan bersama-sama dengan Pegawai dan Kakitangan Majlis Bandaraya Seremban tahun 2022 dapat diadakan pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pada hari ini. Saya amat berbesar hati untuk bersama-sama meraikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Majlis Bandaraya Seremban Tahun 2021. Saya difahamkan pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban hari ini bakal dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2021. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada penerima-penerima anugerah kerana telah memberikan sumbangan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2021.
2. Penganugerahan yang diberikan ini menunjukkan bahawa pengorbanan dan sumbangan yang telah mereka berikan semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah dihargai dan tidak pernah dilupakan oleh Pentadbiran Majlis. Penjawat awam merupakan agen perantara di antara masyarakat dan Majlis. Oleh itu kita adalah aset penting bagi Majlis Bandaraya Seremban dan perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam setiap tugas yang diamanahkan.

3. Saya berharap dengan APC ini akan memberikan motivasi kerja dan impak positif kepada semua warga Majlis Bandaraya Seremban dalam membentuk ekosistem pekerjaan yang cemerlang dan selaras dengan halatuju Majlis Bandaraya Seremban.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

4. Tempoh masa yang lama dalam perkhidmatan bukanlah jaminan seseorang itu akan dinaikkan pangkat. Zaman *seniority* mendahului dalam proses kenaikan pangkat sudah berlalu. Prestasi, kompetensi, efisiensi dan ilmu itu sentiasa dinilai dalam pelbagai kaedah.
5. Oleh itu sebagai penjawat awam yang telah dilantik untuk berkhidmat dalam kerajaan, kita harus sedar bahawa kita diberi tanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Selaras dengan frasa perintah, tugas dan tanggungjawab ialah amanah yang perlu digalas sebaiknya. Amanah dalam konteks ini bermaksud rela dan berusaha melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diberi dalam batas kuasa ditentukan dengan penuh gijih, selain ikhlas bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
6. Majlis Bandaraya Seremban amat memerlukan warga kerja yang professional, progresif, kreatif, inovatif, berketerampilan dan bijaksana yang holistik untuk bersama-sama menjayakan semua dasar kerajaan. Saya ingin menyeru agar semua warga Majlis Bandaraya Seremban

untuk terus memberikan perkhidmatan efektif, berakuntabiliti, berintegriti, amanah dan progresif seiring dengan kepesatan transformasi kemajuan teknologi dan era digital kini yang mampan.

7. Dalam menghadapi ekosistem pembangunan negara yang semakin mencabar dan kompleks, penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan keupayaan berfikir dan membuat keputusan dengan cepat, tepat dan bijaksana. Dengan yang demikian, usaha-usaha menimba ilmu harus dipertingkatkan dan diteruskan sepanjang perkhidmatan. Ilmu adalah senjata untuk membuka pintu pengetahuan yang begitu luas dan menjadikan kita lebih baik daripada yang lain.

8. Seperti kata *Martin Luther King Jr* :-

*The function of education is to teach one to think intensively and to think critically. Intelligence plus character – that is the goal of true education*

Manakala Confucius pula menyebut : -

*By three methods we may learn wisdom : First, by reflection, which is noblest ; second, by imitation, which is easiest ; and third by experience, which is the bitterest*

Malah Islam juga menggalakkan umatnya supaya tidak berhenti menuntut ilmu kerana dengan ilmu itu lah yang akan menjadikan kita cemerlang dunia dan akhirat.

## **FUTURISTIC THINKING**

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Suka saya kongsi idea mengenai *Futuristic Thinking* untuk dijadikan amalan dalam usaha kita melaksanakan tugas harian bagi mencapai tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang.

*Futuristic thinking requires the people to start thinking outside the box with some ability to predict, not restricting themselves to the tried and tested methods, and not just benchmarking but aiming for quantum leap to bring continuous change.*

*The country needs to channel its efforts towards innovation and creativity, improve its technological capabilities or adapt suitable technologies from overseas.*

*Futuristic thinkers have the ability to look past the events of today and into the possibilities of tomorrow. They can visualize compulsory new ideas about customers, products, services, strategies and business models. Tomorrow's leaders will need to think further into the future, and implement ideas in a timely manner, to remain competitive in a world that will change faster than we can understand. In this section, you will learn skills needed to sharpen your ability to predict changes long before your competition.*

10. Justeru setiap warga Majlis Bandaraya Seremban harus mempunyai pemikiran futuristik dalam dunia yang penuh dengan kompetitif ini. Kita harus berfikir di luar kotak dengan keupayaan untuk meramal dengan mencuba sesuatu di luar kebiasaan dan bukannya sebagai penanda aras tetapi menyasarkan lonjakan untuk membawa perubahan yang berterusan kepada Majlis Bandaraya Seremban.
  
11. Dengan itu kita akan dapat menggambarkan idea-idea baharu, memperbaiki perkhidmatan dan mempunyai strategi yang boleh meningkatkan lagi perkhidmatan kepada warga Bandar Raya Seremban. Berfikir lah lebih jauh ke depan dan laksanakan idea-idea dengan cara yang tepat pada masanya untuk kita kekal berdaya saing dalam dunia yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

*The Only Way To Do Great Work Is To Love What You Do... Then Success Will Come After You*

## **NILAI MURNI PENJAWAT AWAM**

Para hadirin sekalian,

12. Penjawat awam perlu berpegang kepada konsep integriti di mana segala perbuatan yang salah adalah tetap salah dan sebarang perbuatan yang salah akan diuruskan mengikut undang-undang negara. Apabila proses dan urusan pentadbiran negara menjadi lebih bersih dan lebih efisien, maka imej negara akan kembali pulih.

Kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam urusan pentadbiran harus diamalkan di Majlis Bandaraya Seremban selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar ataupun undang-undang negara.

13. Sifat murni orang Jepun wajar dicontohi di mana mereka mempunyai sifat amanah yang tinggi selain nilai hidup murni yang lain turut menyumbang kepada kejayaan mereka. Bagi mereka, perasaan malu datang apabila gagal melaksanakan sesuatu dengan sebaik mungkin. Justeru itu nilai-nilai positif yang diamalkan oleh orang Jepun ini hingga menjadikan mereka antara negara paling maju di dunia perlu dicontohi oleh setiap warga Majlis Bandaraya Seremban.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

14. Saya mengucapkan tahniah dan syabas sekali lagi kepada kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 Majlis Bandaraya Seremban pada hari ini. Semoga momentum kejayaan dan kecemerlangan ini dapat dikekalkan pada masa akan datang.
15. Tidak lupa juga kepada pihak urusetia majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar dan jayanya.



Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI**  
**DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
18 FEBRUARI 2022